

BAB PERTAMA

LATARBELAKANG KAJIAN

BAB PERTAMA

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0. Pengenalan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Malaysia Barat. Negeri ini terletak diantara garisan lintang 101°19' dan 102°37' di timur dan disebelah utara laut cina selatan. Manakala disebelah timur ia dirangkaikan kepada Laut Cina Selatan dan Negeri Terengganu. Sebelah selatannya pula ia disempadani dengan Negeri Pahang. Di sebelah baratnya, Negeri Perak dan di bahagian utaranya disempadani dengan wilayah Patani.²⁹

Manakala ukuran jarak jauh dari utara ke selatan ialah 118 batu. Keluasannya ialah 5,713 batu persegi dan mempunyai bilangan penduduk seramai 1,484.1 juta mengikut bancian tahun 1998.³⁰ Daripada bilangan ini, bangsa Melayu Islam merupakan penduduk yang paling ramai dengan peratusan sebanyak 94.1 %, manakala Cina sebanyak 4.6 %, India 0.5 % dan lain-lain 0.8 %.³¹ Kelantan merupakan sebuah negeri daripada 13 buah negeri di Malaysia dan ia meliputi 4.4 % daripada keluasan Malaysia.³²

²⁹ Alias Mohamed (1984), *Sosial dan Politik Kelantan*, (T.P.) h. 9

³⁰ *Buku Maklumat Perangkaan 1999*, Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 3.

³¹ Hassan Harun (1999), *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur: DD Mediaconsult. Sdn. Bhd, h. 16-18.

³² *Ibid.*

1.1. Sejarah Kemasukan Islam Ke Kelantan

Tarikh yang tepat mengenai kedatangan Islam ke negeri Kelantan tidak dapat dibuat oleh para sejarawan. Ini disebabkan oleh ketiadaan bukti berkaitan tarikh kedatangan Islam ke negeri ini. Terdapat beberapa pendapat yang dibuat oleh sejarawan dalam menentukan tarikh kedatangan Islam ke Kelantan. Antaranya ada yang menyatakan pada abad ke-12 M dan ada juga yang berpendapat jauh lebih awal daripada itu.

Di negeri Kelantan pada pertengahan abad ke-12 M, seorang syeikh dari Patani telah datang ke Sri Wijaya Kelantan (ibu kotanya dipercayai terletak di Kuala Krai sekarang) untuk mengembangkan Islam³³.

Begitu juga dapat dilihat, dalam tahun 1297 M (697 H), seorang pengembara Arab iaitu Ibn Baṭūṭah yang belayar dari India ke Tiongkok telah menyebut “Kilu Kerai” (Kuala Krai sekarang) sebagai sebuah negeri yang disinggahinya. Menurutnya, beliau pernah menemui seorang raja perempuan yang telah memeluk Islam bermama Urduja di Kelantan³⁴. Catatan Ibn Baṭūṭah ini menjelaskan kemungkinan syiār Islam telah menyinar di negeri Cik Siti Wan Kembang ini seawal abad ke-12 M lagi.

³³ Alias Mohamed (1975), *Kelantan, Politik dan Dilema Pembangunan*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M), h. 2.

³⁴ Abdul Rahman al-Ahmadi (1985), “Ibnu Batutah Pernah Singgah Di Kuala Krai, Kelantan”, *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya*, Jabatan Pengajian Melayu, U.M., h. 113-115.

Sejarawan tempatan pula meletakkan tarikh kemasukan Islam ke Kelantan selewat-lewatnya dalam abad ke 12 M (6 H). Ini berdasarkan kepada sekeping dinar emas yang telah dijumpai di Kubang Labu Kelantan pada tahun 1912 M. Menurut penulis sejarah Kelantan, dinar emas itu mengandungi tulisan Arab yang berbunyi “*al-Mutawakkal 'ala-Allah*” yang bererti (berserah kepada Allah), manakala di sebelah lagi tercatat perkataan “*al-Julus Kelantan*” dan di atas tulisan itu terdapat pula tulisan berbentuk “٥٧٧” bererti “577” iaitu dikatakan tahun 577 H (1180 M)³⁵.

Kelantan pernah mengadakan hubungan dengan Tiongkok ketika pemerintahan Maharaja Engku Umar pada tahun 1411 M. Baginda telah menghantar utusan ke Tiongkok. Berikutan dengan itu, pada tahun 1412, baginda telah menerima surat kepujian beserta dengan kain sutera daripada Maharaja China sebagai balasan.³⁶

W.G. Shellabear menyatakan bahawa di era pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488-1528) Kerajaan Melaka telah menyerang untuk menakluki Kelantan yang pada masa itu telahpun Islam. Catatan beliau :

“Arakian, maka Sultan Mahmud Syah menitahkan Seri Maharaja menyerang Kelantan. Pada zaman itu Kelantan negeri besar lebih daripada Patani, Sultan Mansur Syah nama rajanya, anak sepupu kepada Sultan Iskandar Syah, tiada baginda menyembah Melaka, anaknya daripada cucu Raja

³⁵ Mohd Zain Sallah (1986), *Islam Di Negeri Kelantan*, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h. 20

³⁶ Sa'ad Shukri bin Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 31.

Culan. Maka Seri Maharaja pun pergilah.... Lalu berperang beramuk-amukan... maka kota Kelantan pun *alah*.³⁷

Melihat kepada keterangan-keterangan berkenaan kemasukan Islam ke Kelantan, bolehlah dikatakan bahawa Kelantan merupakan negeri yang pertama menerima Islam di Malaysia. Ini adalah kerana negeri-negeri lain seperti negeri Terengganu menerima Islam pada tahun 1303 M, Melaka pada tahun 1488 M dan negeri Kedah pula ialah pada tahun 1501 M³⁸.

1.2. Institusi Pendidikan Di Kelantan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran dan kepercayaan dalam sesuatu masyarakat. Kelantan terkenal sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu Islam sehingga mendapat jolokan “Serambi Mekah”.

Pendidikan atau pengajian Islam di negeri Kelantan dipercayai bermula seawal-awalnya pada abad ke-16 M. Pengajian atau pendidikan Islam pada masa ini pula lebih menitik-beratkan soal-soal *fard 'ayn* dan yang berkaitan dengan rukun-rukun Islam dan rukun-rukun Iman serta lain-lain yang berkaitan dengan amal ibadat sehari-hari. Pada peringkat awal ini pengajaran agama Islam diadakan

³⁷ W.G.Shallabear (1967), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press, h. 197.

³⁸ Nor Razi (Oktober 1982), “Kedatangan Agama Islam ke Alam Melayu”, *Utusan Kiblat*, Bil. 146, Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, h. 48.

di istana dan juga di surau-surau untuk anak-anak raja, anak-anak pembesar dan juga kepada orang ramai³⁹.

Bermula akhir abad ke-18 M, barulah corak pengajaran pendidikan secara umum itu mengalami sedikit perubahan, di mana pengajarannya mulai dijalankan dengan mempelajari mata pelajaran tertentu, seperti ilmu *Fiqh* dan ilmu *Tawhid*, di samping itu pengajian serta mata pelajaran mengenai rukun iman dan rukun Islam dan al-Qur'an masih diberi penekanan⁴⁰.

Terdapat tiga buah masjid besar yang tua usianya di Kelantan. Masjid-masjid itu ialah Masjid Kampung Laut yang dipercayai berusia lebih dari tiga ratus tahun dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia. Masjid yang kedua ialah Masjid Muhammadi yang ada sekarang. Ia dibina daripada masjid kayu lama pada tahun 1867 M, kemudian diganti dengan batu pada tahun 1925 M. Masjid yang ketiga pula ialah Masjid Langgar yang dibina sekitar pertengahan abad ke-19.⁴¹

Kota Bharu, di samping menjadi pusat pentadbiran negeri Kelantan juga merupakan pusat pengajian Islam. Di bandar Kota Bharu terdapat ramai 'ulama' tempatan yang pada umumnya mendapat pendidikan di *Masjid al-Harām*, Mekah.

³⁹ Nik Mohamed B. Nik Mohd. Salleh *et al.* (1985) "Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan", *Beberapa Aspek Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 98.

⁴⁰ Mohd. Salleh Lebar (1992), *Perubahan Dan Kemajuan Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, cet. 2, h. 1.

⁴¹ *Ibid*, h. 98-99.

Di Kota Bharu, mereka mengajar agama di Masjid Muhammadi dan di surau-surau yang juga dikenali dengan panggilan Madrasah⁴².

Menurut seorang responden yang ditemui oleh penulis, sekitar tahun 1930-an, Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Tahir telah mengajar di Masjid Muhammadi. Turut mengajar di masjid tersebut Tuan Guru Haji Yaakob Legor⁴³.

Antara pelajaran yang diajar di surau-surau dan masjid-masjid ini ialah sifat-sifat dua puluh (*fard 'ayn*) dalam bahagian Akidah. *Fard 'Ayn* diajar oleh Tuan-Tuan Guru sehingga mereka mahir dengan mengingati serta menghafal dengan lancar sifat-sifat tersebut. Begitu juga dengan bacaan-bacaan dalam sembahyang turut diajar⁴⁴. Manakala Sejarah Islam tidak diajar kerana tiada guru-guru yang 'ärif dalam bidang tersebut.

Antara kitab-kitab yang diajar di Masjid Muhammadi pula adalah seperti kitab *Fath al-Qarīb*, *Tahrīr*, *Iqnā'* (Fiqh), sementara kitab-kitab naḥū pula ialah seperti *Mukhtaṣar*, *Matan Mimmah*, *Ismūni*, *Ibn 'Aqīl* dan banyak lagi. Kebanyakan guru-gurunya adalah terdiri daripada lepasan pondok dan ulama-ulama⁴⁵.

⁴² Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, *et al.* (1983) "Islam dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1900-1940," *Islam di Kelantan*, Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (ed.), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 1.

⁴³ Temubual dengan Haji Ali bin Saad di rumahnya pada 14 April 2001 jam 5.00 petang.

⁴⁴ Abdul Halim Ahmad *et al.* (1982), "Pendidikan Islam Di Kelantan" *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Khoo Khay Kim (ed.), Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 2.

⁴⁵ Hamdan Hassan (1985), "Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad Ke-20 Masihi" *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya*, Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir (ed.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 152-153.

Selain daripada masjid, pondok juga merupakan salah satu institusi pendidikan terpenting di negeri Kelantan. Menurut Ibn Manzūr, *fundiq* berasal dari bahasa Parsi (*al-Khān*) iaitu tempat persinggahan atau tumpangan bagi orang-orang yang di dalam musafir.⁴⁶ Ada juga yang mendefinisikan pondok sebagai rumah kecil yang didirikan untuk sementara waktu di sawah, di ladang dan lain-lain. Dalam bahasa Jawa, pondok bererti madrasah atau asrama tempat mengaji, belajar agama dan lain-lain.⁴⁷

Adalah dipercayai pondok yang pertama didirikan di Kelantan ialah sekitar tahun 1820 M oleh Haji Abdul Samad bin Faqih Abdullah iaitu di Pulai Chondong. Ianya terletak di Jalan Kuala Krai, kira-kira 28 kilometer di selatan Kota Bharu. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Pulai Chondong⁴⁸.

Dalam tahun 1909 M, institusi ini mula berkembang dan terus berkembang hingga Perang Dunia Kedua, terutama selepas adanya kitab-kitab dalam bahasa Arab. Pada peringkat permulaannya, mata pelajaran yang diajar belum lagi meluas. Ia hanya meliputi perkara-perkara seperti *Tawḥīd*, *Fiqh*, Akhlak, al-Qur'an dan al-Hadith. Kebanyakan kitab-kitab yang digunakan pula ialah kitab-kitab jawi⁴⁹.

⁴⁶ Ibn Manzūr (1990), *op.cit.*, jil. 10, h. 313.

⁴⁷ Kamus Dewan Edisi Baru (1989), *op.cit.*, h. 978.

⁴⁸ Abdul Halim Ahmad *et al.* (1984), *Pendidikan Islam di Kelantan* dalam Sejarah Masyarakat Melayu Moden, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu. h. 45.

⁴⁹ Rahim bin Abdullah *et al.* (1983), "Pelajaran Pondok Di Kelantan" *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Khoo Khay Kim (ed.), Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 3.

Sistem Pengajian di pondok adalah berbentuk tidak formal dan tidak mempunyai kelas tertentu. Pada kebiasaannya Tuan Guru sendiri yang akan mengajarkan kitab berbahasa Arab yang dikarang oleh ulama-ulama Islam abad pertengahan. Dalam aktiviti pengajaran ini, kadang kala Tuan Guru akan dibantu oleh kepala *tela'ah*⁵⁰ untuk mengajarkan kitab-kitab jawi (Bahasa Melayu) kepada kelompok-kelompok kecil yang lebih rendah⁵¹.

Selain daripada pondok Tok Pulai Chondong, pondok-pondok yang telah didirikan di Kelantan sebelum tahun 1910 ialah, Pondok Tok Bachok yang didirikan pada tahun 1900 oleh Haji Othman Bin Haji Muhammad, Pondok Haji Abdul Malek, Kampung Sungai Pinang, Tumpat yang didirikan oleh Haji Abdul Malek Bin Haji Hassan kira-kira dalam tahun 1907, Pondok Haji Yusof Pulau Ubi yang didirikan oleh Haji Yusof kira-kira dalam tahun 1908, Pondok Kubang Pasu yang diasaskan oleh Haji Nik Abdullah Bin Haji Abdul Samad pada tahun 1900, Pondok Sungai Budor, Kota Bharu yang diasaskan oleh Haji Ibrahim Bin Haji Yusof, Pondok Kampung Banggol yang diasaskan oleh Haji Wan Ismail⁵² dan beberapa pondok yang lain lagi.

Di antara tahun 1860 - 1940 negeri Kelantan telah mengalami satu perkembangan ilmu yang pesat. Bermula dengan pengaliran masuk ilmu Tasawuf

⁵⁰ Kepala tela'ah ialah murid yang mendapat kepercayaan dari Tok Guru untuk mengajar berdasarkan penguasaan ilmu beberapa kitab tertentu yang diajarkan di pondok tersebut.

⁵¹ Abdul Latif Hamidong *et al.* (1989), "Institusi Pondok Dalam Tradisi Budaya Ilmu", *Tamadun Melayu*, Ismail Hussein (*ed.*), jld. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 779.

⁵² Abdullah Alwi Haji Hassan (1980), "The Development of Islamic Education in Kelantan", *Tamadun Islam Di Malaysia*, Dr. Lutfi Ibrahim (*ed.*), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 190.

yang mendalam dan amalan tariqah serta ilmu *Fiqh Syāfi'iyyah*, Usuluddin, *Nahw* dan *Şaraf* di penghujung tahun 1860-an melalui Tuan Tabal, negeri ini telah didatangi pula oleh aliran Islah mulai awal abad ke-20 M. dan diminati pula oleh salah seorang ulama tempatan bernama Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad. Aliran Islah ini menyeru ulama-ulama supaya kembali kepada ajaran al-Qur'an dan al-Hadith serta mengamalkan ijтиhad. Di samping itu pada awal abad ke-20 Masihi terdapat juga di negeri ini kegiatan mengajar ilmu Hadith, Mantiq, Falsafah, Balaghah, Fiqh Ḥanafiyyah yang dikendalikan oleh seorang ulama yang datang dari India yang dikenali umum dengan nama Tok Khurasan. Kegiatan mengajar ilmu *Nahw* dan *Şaraf* secara mendalam juga telah dibuat oleh Tok Kenali⁵³.

Selepas kematian Tok Kenali, usaha pendidikan ini disambung pula oleh anak-anak muridnya menerusi pendidikan pondoknya Madrasah al-Ahmadiyah, Bunut Payong, Kota Bharu. Antara anak-anak muridnya ialah Tuan Guru Haji Abdullah Tahir. Pada tahun 1952, didapati pelajar yang berada di pondok ini melebihi 1000 orang yang datang dari pelbagai pelusuk semenanjung⁵⁴.

Walau bagaimanapun, selepas kemerdekaan Tanah Melayu, pondok-pondok tersebut telah mengalami zaman kemerosotannya. Faktor utamanya adalah kerana kegagalan sistem pondok menyaingi sistem persekolahan Melayu, Inggeris serta Sekolah Agama dan Arab yang berkembang pesat dan disokong

⁵³ Nik Abdul Aziz Bin Hj Nik Hassan, *op.cit.* hal 21.

⁵⁴ Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh (1988), *Kelantan Serambi Mekah Di Zaman Tok Kenali*, Kelantan: Pustaka Asa, Kenali, h. 5.

pula oleh kerajaan⁵⁵. Pengajian pondok juga tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjamin perkembangannya berbanding dengan sekolah-sekolah kerajaan⁵⁶. Akhirnya tinggallah Tok Guru tanpa sebarang habuan yang menyebabkan pondok mulai pupus satu demi satu.

Setakat yang diketahui, pengajian Islam secara formal di Kelantan bermula pada tahun 1906 apabila sekolah-sekolah agama didirikan di Kota Bharu. Namun begitu, ada juga yang mengatakan sekolah agama yang pertama di negeri Kelantan telah dibina pada tahun 1910, iaitu Madrasah Khairiyah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.⁵⁷

Berikutan dengan penubuhan Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, pada bulan Disember tahun 1915, sebuah sekolah agama ditubuhkan. Sekolah itu ialah Madrasah Muhammadiyah al-Kelantaniah. Ia ditubuhkan oleh Majlis pada 5 Ogos 1917.⁵⁸ Kemudian ditubuhkan pula sekolah Arab di bangunan yang sama dengan nama “Madrasah Muhammadiyyah al-‘Arabiyyah” yang dirasmikan pada 1 April 1937.⁵⁹

Sekolah tersebut ini adalah sebahagian atau lanjutan kepada Madrasah Muhammadiyyah al-Kelantaniyyah yang diasaskan oleh Sultan Muhammad IV.

⁵⁵ Abdullah Jusoh (1989), *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

⁵⁶ Rahim bin Abdullah (1983), *op.cit.*, h.2.

⁵⁷ Abdullah Alwi Haji Hassan, *op. cit.*, h. 196.

⁵⁸ Sa'ad Shukri bin Haji Muda (1971), *op. cit.* hal 196.

⁵⁹ *Majallah Kelantan*, 1966 April, hal 5.

Seterusnya sekolah ini ditukar namanya kepada “Jāmi‘ Merbau al-Ismā‘īlī” dan kemudiannya pada tahun 1956, namanya ditukar sekali lagi kepada Ma‘ahad Muḥammadi sehingga sekarang.

Berikutan dengan penubuhan madrasah tersebut, maka banyak lagi sekolah-sekolah agama yang didirikan di seluruh negeri Kelantan. Sekolah-sekolah agama ini telah menjadi sekolah saluran (*Feeder School*) kepada sekolah pusat Ma‘ahad Muḥammadi di Kota Bharu⁶⁰.

Pada tahun 1952, terdapat 10 buah sekolah agama kerajaan yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Antaranya ialah Madrasah ‘Arabiah Merbau, Kota Bharu, Madrasah ‘Arabiah, Pasir Mas, Madrasah Falahiyah, Pasir Pekan, Madrasah Amir Indera, Beris dan Madrasah Ismailiyah, Semerak. Sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan semakin bertambah pesat selepas perang dunia kedua. Sekolah agama rakyat ini ada yang mendapat bantuan daripada kerajaan. Campur tangan daripada kerajaan telah memberi kesan yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut dan dengan ini juga telah menjadikan susunan pelajaran semakin kemas dan teratur⁶¹.

Sesungguhnya sekolah agama telah memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat sama ada dalam bidang politik, agama, perniagaan, perundungan dan sebagainya. Antara lepasan Sekolah Ma‘ahad Muḥammadi

⁶⁰ Jawatankuasa Menyusun Sejarah Sekolah-sekolah Kelantan (1974), *Sejarah Sekolah-sekolah Kelantan*, Jabatan Pelajaran Kelantan, h. 9.

⁶¹ Nik Mohamed b. Nik Mohd Salleh, *op.cit.*, h. 111.

yang berjaya ialah Dato' Haji Abdul Halim Abdul Rahman sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan sekarang, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, Datuk Abu Hassan Abu Bakar, Mufti Kerajaan Melaka, Hassan Bin Abdul Rahman, Hakim Mahkamah Seksyen Kota Bharu, Datuk Mohamed Azman bin Husain, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan, Haji Hassan Yaacob, Pengurus Percetakan Pustaka Aman Press dan ramai lagi⁶².

1.3. Institusi-Institusi Pentadbiran Islam Di Kelantan

Negeri Kelantan mempunyai tiga agensi ugama yang utama bagi urusan pentadbiran Islam iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan. Setiap agensi ini bergerak dalam bidang tugasnya masing-masing sebagaimana yang ditentukan dengan Majlis Agama Islam Kelantan yang menjadi induk kepada semua agensi agama yang tertinggi dan tertua di negeri ini.

1.3.1. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ditubuhkan pada 24 Disember 1915 melalui satu perisytiharan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad Ke-IV. Majlis Agama Islam Kelantan adalah institusi agama yang pertama ditubuhkan di Semenanjung Malaysia, mendahului Majlis

⁶² Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Kota Bharu: Zulfarahim Sdn. Bhd., h. 418-434.

Agama Islam Johor yang ditubuhkan pada tahun 1925 dan Majlis Agama Islam Kedah pada tahun 1948.⁶³

Majlis juga berfungsi sebagai “Mahkamah Rayuan” apabila Kaunsel Negeri meluluskan undang-undang pentadbiran Islam melalui “Notis Peraturan dan Perkara yang di Mahkamah Syariah” (No. 10 Tahun 1916) kepada Majlis. Notis ini meliputi perkara-perkara perkahwinan, perceraian, rujuk, khalwat, puasa, tidak hadir sembahyang Jumaat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran salah. Bagaimanapun, peranan Majlis sebagai Mahkamah Rayuan ini berakhir pada tahun 1920 apabila kuasa bagi mendengar perkara di atas dipindahkan ke Pejabat Mufti.⁶⁴

1.3.2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.

Sehingga 1978, masih belum wujud sebuah institusi khusus bagi menyelaras segala urusan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam di negeri Kelantan. Manakala Pejabat Penyelia Agama (wujud di bawah Pejabat Mufti sejak 1/12/1950) yang lebih Masyhur dengan panggilan Pencegah Maksiat itu tentunya lebih menumpukan dalam bidang pencegahan, penangkapan / pendakwaan jenayah syariah semata-mata. Lantaran itu, ramai berpendapat bahawa urusan keagamaan tidak wajar dipertanggungjawabkan kepada Majlis

⁶³ Abdul Razak Mahmud (1992), “Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan”, *Warisan Kelantan XI, Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan*, Dato’ Nik Mohamed b. Nik Mohd Salleh (ed.), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h.1.

⁶⁴ *Ibid*, h.5

Agama Islam Kelantan (MAIK) sahaja, malahan sebuah institusi lain perlu diwujudkan guna mengurangi bebanan kerja MAIK.

Oleh itu, kerajaan berusaha mewujudkan bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan. Pada mulanya (Mac 1978), bahagian ini dikendalikan oleh seorang pegawai yang berjawatan "Penolong Setiausaha (Hal Ehwal Agama)" serta beberapa orang kakitangan perkeranianya. Namun demikian, bermula 1979, struktur pentadbirannya diperbesarkan dengan diberi taraf jabatan penuh - diketuai seorang pegawai yang berjawatan Pengarah, sementara penolong kanannya bergelar setiausaha, tetapi "masih di bawah sayap" Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK).

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dilakukan dalam tahun 1979 dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan bagi membantu Majlis (Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) mengendalikan urusan dan pentadbiran kehakiman dan penguatkuasaan undang-undang. Ia kemudian turut membantu MAIK (wujud seawal 1915) dalam menyemarakkan lagi kegiatan dakwah, pembangunan Islam dan penguatkuasaan undang-undang serta pendakwaan selaras dengan hasrat kerajaan negeri ketika itu. Ringkasnya, jabatan baru ini lebih berperanan selaku urusetia kepada kerajaan negeri dalam bidang yang melibatkan keagamaan, sekaligus bertanggungjawab melaksanakan apa jua keputusan kerajaan dalam hal ehwal agama, pembangunan kerohanian, kegiatan dakwah dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan. Hanya mulai 1980, barulah ia diwujudkan secara

berasingan dari pejabat SUK dengan diberi peruntukan tahunan serta kuasa mengawal kewangan sendiri. Struktur organisasi JAHEAIK pada peringkat awalnya turut merangkumi Mahkamah Syariah / Pejabat Qadhi (pada masa itu dikenali Bahagian Keadilan dan Kehakiman). Keadaan sedemikian berkekalan sehingga ke akhir tahun 1988.

Pentadbiran JAHEAIK sentiasa berubah dan berkembang dari setahun ke setahun, dirombak-suai mengikut keperluan masa. Rombakan terbaru (Julai,1998) bolehlah di anggap sebagai kemuncak penyusunan semulanya, melibatkan penempatan 18 pegawai baru. Sekaligus, rombakan ini menyaksikan pengisian beberapa jawatan yang diseragamkan di seluruh negara sebagaimana ketetapan JAKIM menjadikan pentadbirannya semakin mantap.⁶⁵

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan salah satu program di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu Pentadbiran Hal Ehwal Islam.

1.4. Yayasan Islam Kelantan (YIK)

Yayasan Islam Kelantan adalah sebuah institusi agama yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan untuk menjalankan aktiviti pendidikan Islam dan pengajaran bahasa Arab di kalangan rakyat negeri itu. Ia ditubuhkan pada 1 Julai 1974 di bawah kuatkuasa enakmen negeri Kelantan no. 9/1968 (Yayasan

⁶⁵ *Majallah al-Wasilah* (Jun 1999) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, bil. 3, h. 3-4.

Pengajian Tinggi Islam Kelantan) dengan nama “Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan” (JASA). Jabatan ini ditadbir oleh sebuah jemaah tadbir yang bertanggungjawab kepada majlis Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK).⁶⁶

Bagi melicinkan lagi sistem pentadbiran, institusi tersebut telah didaftarkan semula pada tahun 1979 di bawah enakmen kerajaan Kelantan bilangan 5/1979 dengan nama “ Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan ” (YPINK). Bagi memperkemaskan lagi urusan pentadbiran, institusi tersebut telah mengalami sekali lagi pindaan nama menerusi Enakmen Kerajaan Negeri Kelantan bilangan 8/1983 yang berkuatkuasa pada 1 Mac 1983. Ia diubah kepada “Yayasan Islam Kelantan” atau dengan nama ringkasnya YIK sebagaimana sekarang ini.⁶⁷

Pengelolaan dan pentadbiran sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan sebelum penubuhan YIK adalah berada di bawah pengawasan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Pada akhir tahun 60-an sambutan masyarakat terhadap sekolah-sekolah agama agak terlalu dingin. Ini adalah disebabkan oleh lulusan pengajian sekolah-sekolah tersebut tidak mendapat jaminan masa depan yang baik khususnya bagi mendapat jawatan dalam jabatan-jabatan kerajaan. Akhirnya banyak sekolah-sekolah agama rakyat yang berada di bawah naungan MAIK terpaksa ditutup. Memandangkan kadar

⁶⁶ *Buku Cenderamata Majlis Hari Yayasan Islam Kelantan*, Anjuran YIK, Nilam Puri, 18 Zulhijjah 1419 bersamaan 1 Julai 1999, h. 6.

⁶⁷ *Ibid.*

kemerosotan bilangan sekolah-sekolah agama dan pondok agak mencemaskan, yang mana mengakibatkan kedudukan negeri Kelantan sebagai pusat pengajian Islam di rantau ini tergugat, maka kerajaan negeri telah memikirkan inisiatif untuk mengambil alih pengelolaan dan pentadbiran institusi-institusi agama tersebut.⁶⁸

Perkembangan proses pendidikan Islam secara formal khususnya terhadap rakyat negeri Kelantan terbukti apabila YIK telah melaksanakannya melalui institusi-institusi berikut:⁶⁹

- a. Sekolah-sekolah.
- b. Pusat Pengajian Pondok
- c. Maahad Tahfiz al-Qur'an.
- d. Tadika Islam.

a) Sekolah-sekolah

Sekolah-sekolah agama merupakan salah satu institusi pendidikan terawal yang dikendalikan oleh YIK dalam memberi pendidikan Islam kepada rakyat negeri Kelantan. Pengendalian atau pengelolaan sekolah-sekolah merupakan satu kesinambungan dari tugas MAIK, sehingga pada tahun 1994 beberapa pembaharuan dari segi perancangan dan pengurusan telah dilakukan berikut daripada pindaan terhadap kurikulum sekolah-sekolah agama YIK. Berdasarkan

⁶⁸ Abdul Halim Ahmad (1984), *Pendidikan Islam Di Kelantan : Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Selanggaraan Khoo Kay Kim, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, h.2.

⁶⁹ *Buletin* (September–Oktober 1999) Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, bil. 92. h. 5

kepada pemerhatian penulis, semua sekolah-sekolah tadbiran YIK dikenali dengan nama Sekolah Menengah Ugama (Arab) atau SMU(A). Ini kerana bentuk dan dasar pendidikan YIK yang berdasarkan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Sekolah-sekolah agama YIK terbahagi kepada dua kategori iaitu SMU(A) Kerajaan dan SMU(A) Bantuan Kerajaan Negeri Kelantan.

Perkembangan pendidikan Islam di Kelantan terbukti apabila terdapat sekurang-kurangnya 88 buah sekolah agama dibawah kelolaan YIK. Daripada jumlah tersebut sebanyak 17 buah sekolah terdiri SMU(A) Bantuan kerajaan Kelantan. Sekolah-sekolah Agama ini menampung jumlah murid seramai 39,201 orang di seluruh daerah negeri Kelantan.⁷⁰

b) Maahad Tahfiz Al-Qur'an

Maahad Tahfiz al-Qur'an merupakan sebuah SMU(A) yang mengutamakan pelajaran hafalan al-Qur'an dan *Qirā'at*.⁷¹ Ma'ahad ini diletakkan di bawah pengurusan YIK hasil daripada idea dan cadangan yang dibuat oleh Y.A.B Tuan Guru Haji Nik Abd. Aziz b. Nik Mat iaitu Menteri Besar Kelantan. Secara umumnya, *Ma'ahad Tahfīz al-Qur'ān* ini ditubuhkan pada awal tahun dengan pengambilan pelajar pertama pada 5 Januari 1992 seramai 30 orang.

⁷⁰ _____ *Pamphlet* (t.t.), Yayasan Islam Kelantan.

⁷¹ _____ *Pamphlet*, (t.t.), Pengenalan dan Sistem Pembelajaran Maahad Tahfiz Al-Qur'an, Yayasan Islam Kelantan.

c) Pusat Pengajian Pondok

Sistem halaqah atau lebih dikenali sebagai Pengajian Islam Pondok merupakan sebahagian daripada Pendidikan Islam yang terpenting di negeri Kelantan. Kepentingannya dilihat dan dinilai apabila institusi ini telah melahirkan ramai para cerdik pandai yang berkhidmat kepada masyarakat Kelantan, terutamanya sebagai Guru dan Imam.

Pusat Pengajian Pondok (PPP) YIK telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan pada tahun 1981 atas kesedaran kehilangan seorang demikian seorang ulama-ulama tempatan tanpa ada pengganti. Kampus yang dibina di atas tapak seluas 63 ekar di kampung Kandis, Bachok, Kelantan ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kelantan pada 4 September 1989.⁷² Sehingga kini, pentadbiran PPP diketuai oleh seorang Syeikh Pondok dan dibantu oleh seorang pendaftar, seorang kerani dan seorang pekerja am di samping 12 orang tenaga pengajar.⁷³

d) Tadika Islam

Selain dari sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Pondok, YIK juga turut membuka tadika bercorak pendidikan Islam bagi memberi peluang kepada ibubapa menghantar anak-anak ke kelas pendidikan pra sekolah. Sehingga ke

⁷² *Risalah Taklimat Ringkas YIK* (T.T), Nilam Puri, h. 8

⁷³ Temubual dengan Hj. Wazir bin Hj. Che Awang (Syeikh Pusat Pengajian Pondok, Kandis.), di Pejabatnya pada 21 Januari, 2001.

hari ini, YIK mempunyai dua buah tadika Tadika Tengku Anis yang terletak di Kampung Sireh dan Jalan Raja Dewa di Kota Bharu.⁷⁴ Tadika Tengku Anis Yang Terletak di kampung sireh dibuka oleh YIK pada 1 Januari 1989 dan telah dirasmikan oleh KDYMM Raja Perempuan Kelantan pada 3 Ogos 1990. Manakala tadika yang terletak di Jalan Raja Dewa pula pada asalnya merupakan sebuah tadika milik kerajaan negeri Kelantan telah ditubuhkan pada 1 Januari 1965 dan telah diambil alih oleh YIK pada 2 Oktober 1992. Persetujuan pengambil alihan ini telah dicapai dalam satu mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YIK pada 1 Oktober 1992.⁷⁵

1.5. Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK).

Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan ialah sebuah pusat pengajian tinggi Islam di Malaysia yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan pada 1 Oktober 1965.⁷⁶ Yayasan ini ditubuhkan hasil dari inisiatif kerajaan negeri Kelantan yang bertujuan untuk menampung cita-cita umat Islam di Malaysia pada umumnya dan di negeri Kelantan khususnya bagi mendirikan sebuah universiti Islam. Selain itu penubuhannya adalah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar SMU(A) yang tidak mempunyai peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di luar negeri seperti seperti Kolej Islam Malaya, Universiti al-Azhar Mesir, Universiti Islam Indonesia dan lain-lain lagi.

⁷⁴ Temubual dengan Tuan Haji Abdul Aziz Bin Yusof (Pengarah YIK) pada 26 Januari, 2001.

⁷⁵ Taklimat Ringkas YIK, *op. cit.*, h. 2.

⁷⁶ Abdullah Alwi Haji Hassan (Oktober 1993), "Pendidikan Islam di Universiti Malaya", *Jurnal Usuluddin*, bil.1, h. 30.

Pada peringkat awal yayasan ini ditubuhkan, ia hanya memiliki satu fakulti sahaja iaitu Fakulti Syariah dan Undang-Undang (*Kuliyyah al-Syari'ah wa al-Qānūn*). Sebagai perkembangannya, pada Oktober 1966 dibuka pula *Ma'ahad Da'wah Wa al-Imāmah* yang bertujuan mendidik kader-kader dalam bidang dakwah dan kepimpinan masyarakat Islam. Disamping itu ia juga berfungsi sebagai sekolah persediaan untuk memasuki fakulti. Kemudian *Ma'ahad* ini ditutup dan diganti dengan Bahagian Persediaan (*al-Qism al-Tawjīhi*) yang berfungsi sebagai sekolah persediaan YPTIK, nilam puri.⁷⁷ Pada tahun 1971 dibuka pula Bahagian Pendidikan (*Qism al-Tarbiyyah*). Tujuannya ialah untuk melatih bakal guru yang berkebolehan dalam menjalankan tugas mereka sebagai pendidik. Kemudian dalam tahun 1974, dibuka pula sebuah fakulti baru iaitu Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan (*Kuliyyah Uṣūl al-Dīn wa al-Ijtima'*).⁷⁸

Yayasan ini berjalan sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Islam dengan taraf sebagai sebuah badan berkanun di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan sehingga ia diserap ke dalam Universiti Malaya pada 1 April 1981.⁷⁹ Suatu perkara yang membanggakan ialah penubuhan Yayasan ini telah memberi saham yang besar kearah kesinambungan pendidikan peringkat menengah ke peringkat universiti.

⁷⁷ Abdul Halim Mat Diah, (1989), *Pendidikan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: ABIM. Wilayah Persekutuan, h. 21.

⁷⁸ Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (1979), *Dai'l Markaz al-Dirāsah al-Islāmiyyah al-'Āliyyah*, Kota Bharu: al-Ahliyah Sdn. Bhd., h. 2.

⁷⁹ Abdul Halim Mat Diah, *op. cit.*, h. 22.

1.6. Kesimpulan

Jelas bahawa negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang yang begitu pesat membangun dari sudut pendidikan Islam semenjak beberapa abad yang lalu. Pusat-pusat pendidikan samada formal ataupun tidak formal terus hidup dan subur sehingga ke hari ini. Tidak hairanlah jika sekiranya Kelantan pernah digelar sebagai Serambi Mekah suatu masa dahulu. Dari sinilah sebenarnya fahaman *Nūr Muḥammad* tersebar di kalangan masyarakat samada secara langsung ataupun tidak langsung.